



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

KEINGINAN BERNIAGA MELUAP-LUAP

KARISMA

Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

Keberanian Abdul Qayyum Abdul Majid untuk mengutuskan e-mel kepada pihak pengurusan atasan rangkaian restoran makanan segera, Ayamas, sekitar 2009, membuka laluan besar buat Bot Holdings Bhd dalam memasarkan produk syarikat.

Mesra dengan panggilan Syukor, lelaki berusia 29 tahun ini pernah meraih Anugerah Lima Penderas Teratas di Kedai Ayamas, pada 2012, menjadi bukti kesungguhannya membina empayar sendiri.

Melihat pada usianya yang muda, mungkin ada yang tertanya-tanya sama ada pemuda ini sekadar mengambil alih perniagaan keluarga hingga membolehkan jenama Bot Industries International Sdn Bhd (Bot Industries) mencatatkan pencapaian tersendiri.

"Saya memulakan perniagaan kopi pracampur ini ketika berusia 21 tahun dan

masih belajar di semester kelima di universiti. Sebelum itu, saya juga semanginya aktif berniaga di kolej termasuk makanan.

"Kopi Arabica Susu Kambing ini dibekalkan dari sebuah kilang. Sebagai permulaan, saya mengambil 50 kرتون dan dijual secara kecil-kecilan, selain menggunakan ejen yang membatikan teman rapat.

"Nyata, formula menggunakan ejen itu berjaya malah jualan terbaik pernah mencecah 200 kرتون, meskipun perniagaan ini dilakukan secara sambilan.

"Menyedari potensi bisnes ini, saya bertekad untuk

Syukor bina rangkaian di universiti kini produk tembusi pasar raya, restoran



bergiat dengan lebih serius. Sokongan keluarga meniup semangat saya untuk memajukan perniagaan.

“Berbekalkan modal sebanyak RM50,000 hasil keuntungan jualan sebelum ini, saya membeli mesin yang diimport dari China untuk menjimatkan kos pembuatan.

“Bot Industries beroperasi di sebuah kilang kecil di Meru yang juga sebuah rumah kedai dua tingkat. Pekerja pula seramai lima orang bagi menguruskan dokumentasi dan pembungkusan kopi.

“Ketika itu, saya sudah menamatkan pengajian diploma, jadi saya berupaya untuk bekerja dengan lebih keras dan fokus dalam pemasaran,” ceritanya ketika ditemui di Klang, Selangor, baru-baru ini.

Menyifatkan keluarga dan kerjasama baik ejen an-

tara pemangkin kejayaan, Syukor berkata, dirinya perlu bertindak lebih ke hadapan sekiranya ingin membina jenama sendiri.

Selain bergantung pada penjualan menggunakan ejen, anak kelahiran Pulau Pinang ini berhasrat memasuki pasaran pengguna menerusi pasar raya besar. Diibaratkan pengemis seperti melukut di tepi ganggang, pemuda ini terpaksa menebalkan muka untuk bertemu pihak pengurusan berkali-kali supaya diberi peluang.

Enam bulan melakukan rutin sama, akhirnya rezeki memihak Syukor apabila diberi peluang meletakkan barisan produknya bersama jenama lain di rak pasar raya besar.

Laluan itu memudahkan perjalanan Bot Industries memasuki beberapa pasar raya besar lain dan memili-



BAPA yang memberi inspirasi.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

ki pelanggan tersendiri.

“Apabila berjaya memasuki Mydin, langkah seterusnya ke pasar raya lain seperti Giant, Tesco, Aeon Big serta Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM).

“Pada masa sama, saya memasang impian untuk menjadi vendor minuman di restoran makanan segera untuk mengukuhkan rekod perniagaan. Justeru, saya menghantar e-mel kepada pihak atasan Kedai Ayamas untuk membekalkan kopi Arabica Susu Kambing.

“Setelah sekian lama menanti balasan, saya yakin permintaan itu dipandang sepi. Mungkin rezeki Allah SWT tertulis buat saya apabila menerima panggilan daripada Ayamas untuk membincangkan kontrak sebagai vendor.

“Kali pertama, saya


membekalkan 300 karton dan ia diedarkan ke semua 80 cawangan Kedai Ayamas ketika itu. Hingga kini, kerjasama antara kami masih berjaya dikekalkan kerana keupayaan kita menyediakan bekalan dan kualiti produk,” ceritanya.

Jelasnya, Bot Industries juga menawarkan perkhidmatan pengilangan minuman pracampur secara OEM kepada usahawan Bumiputera dan ia menerima respons yang sangat menggalakkan.

Katanya, lebih 20 syarikat Bumiputera yang menjalinkan kerjasama malah Bot Industries menghasilkan kira-kira 350,000 pek produk OEM sebulan.

Menambah aset perniagaan dengan pembelian bangunan sendiri di Klang, pada 2010 dan kini mem-

ROSLIN MAT TAHIR



BERSAMBUNG
DI SEBELAN

buka kilang baru bertaraf Amalan Perkilangan Baik (GMP) serta menerima pengesahan Program Bantuan Persijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan ISO 22000 pada bulan lalu.

Mempelbagaikan cabang perniagaan, Bot Holdings Bhd juga memayungi beberapa anak syarikat termasuk Bot Niaga, Bot Travel & Tour, Nur Wajah dan Florale.

Melihat bapa sebagai inspirasi dalam dunia perniagaan, Syukor menyatakan perancangan untuk menceburi bidang pembinaan dan hartanah dengan lebih serius.

Berkongsi rahsia perniagaan, Syukor mengatakan bahawa strategi pemasaran adalah langkah penting perlu diatitkan demi membina jenama sendiri, di samping menghasilkan produk berkualiti.

TEKANKAN kualiti produk.



Bercita-cita jadi doktor

1. Aktiviti masa lapang?
Bermain permainan video.

2. Aktiviti bersama keluarga?
Selalunya saya sekeluarga bercuti ke luar negara pada hujung tahun.

3. Senaman rutin?
Boleh dikatakan hampir setiap malam, saya dan pekerja akan bermain futsal di pusat berdekatan.

4. Cita-cita zaman kanak-kanak?
Saya pernah bercita-cita menjadi doktor, pada masa sama berhasrat bergelar usahawan apabila melihat kejayaan bapa.

5. Pendorong?
Bapa (Abdul Majid Md Yunos).

6. Tokoh sanjungan?
Bapa dan Datuk Seri Hasmiza Othman.

7. Prinsip hidup?
Ikut hati untuk berniaga dan buat dengan yakin!

PROFIL

Nama: Abdul Qayyum Abdul Majid

Jawatan: Pengarah Urusan Bot Holdings Bhd

Tarikh lahir: 25 November 1987

Asal: Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Isteri: Nur Aini Ismail

Anak: Aiman Wafi (5) dan Lily El Zara (2)

Kelulusan: Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa UiTM

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

